



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) **TAJAJAN KHAS KUIS (TKK) – MATRIKULASI**

- 1) **Apakah yang dimaksudkan dengan Tajaan Khas KUIS (TKK)?**
TKK merupakan **biasiswa tajaan penuh** oleh Universiti Islam Selangor (UIS).
- 2) **Apakah syarat permohonan TKK?**
 - ✓ Pelajar mestilah telah mendaftar pengajian di peringkat Asasi.
 - ✓ Pelajar mestilah warganegara Malaysia.
 - ✓ Pelajar mestilah berada di semester satu (1) pengajian.
- 3) **Bolehkah pelajar Matrikulasi semester 2 ingin memohon TKK?**
Tidak, kerana permohonan ini hanya dibuka untuk pelajar semester satu (1) sahaja.
- 4) **Adakah tajaan TKK ditaja penuh?**
Ya, pelajar tajaan TKK akan ditaja penuh meliputi yuran program, yuran penginapan dan elaun sara diri tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester semasa pelajar (Purata Nilai Gred (PNG)).
- 5) **Bilakah permohonan TKK dibuka?**
Permohonan TKK dibuka pada setiap sesi untuk pelajar semester satu (1) sahaja bermula hari pendaftaran pelajar dan dibuka selama satu (1) bulan.
- 6) **Bagaimanakah saya ingin mendapatkan semua dokumen permohonan tersebut?**
Kesemua dokumen permohonan boleh di muat turun dari **myPortal** pelajar di bawah **tab BHEP** selepas permohonan TKK dibuka.
- 7) **Apakah dokumen wajib yang diperlukan sewaktu permohonan TKK dibuat?**
Dokumen wajib yang diperlukan ialah:
 - i. Borang Permohonan Tajaan Khas KUIS (TKK) yang lengkap.
 - ii. Dokumen Perjanjian Tajaan Khas KUIS (TKK) yang lengkap.
 - iii. Salinan Kad Pengenalan Pelajar yang disahkan.
 - iv. Salinan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang disahkan.
 - v. Salinan Kad Pengenalan Penjamin 1 yang disahkan.
 - vi. Salinan Kad Pengenalan Penjamin 2 yang disahkan.
 - vii. Salinan Kad Pengenalan Penjamin Tambahan yang disahkan (jika berkenaan).
 - viii. Salinan Slip Gaji / Pengesahan Pendapatan Penjamin 1 yang disahkan.
 - ix. Salinan Slip Gaji / Pengesahan Pendapatan Penjamin 2 yang disahkan.
 - x. Salinan Slip Gaji Penjamin Tambahan yang disahkan (jika berkenaan).

- xi. Salinan Surat Kelulusan Tawaran Tajaan Khas KUIS (TKK) yang disahkan.
 - xii. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Program Matrikulasi KUIS yang disahkan.
 - xiii. Salinan Penyata Akaun Bank Islam Berhad (BIMB) yang disahkan
- 8) **Bolehkah jika saya tiada akaun simpanan Bank Islam?**
Tidak, kerana antara syarat utama permohonan TKK ini adalah pemohon mestilah mempunyai **akaun Bank Islam atas nama pelajar sendiri**.
- 9) **Berapakah jumlah elaun sara diri pelajar TKK?**
 Elaun sara diri adalah berjumlah **RM500.00 bagi satu (1) semester**.
- 10) **Bilakah pelajar akan menerima elaun sara diri TKK?**
 Pelajar akan menerima elaun sara diri **bermula semester kedua dan semester ketiga** pengajian bergantung kepada keputusan peperiksaan semester semasa pelajar (Purata Nilai Gred (PNG)).
- 11) **Siapakah yang boleh mengesahkan salinan dokumen?**
 Pegawai yang boleh membuat pengesahan Salinan dokumen ialah:
 - ✓ Nazir Masjid (tempat tinggal) / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK @ JKPP / Penghulu / Pengerusi Penduduk / Jaksa Pendamai / Adun; **atau**
 - ✓ Semua pegawai kerajaan / Badan Berkanun / Pegawai KUIS Gred 41 dan ke atas; **atau**
 - ✓ Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majistret dan peguam.
- 12) **Siapakah yang boleh jadi Penjamin 1 & 2 saya?**
 Penjamin 1 & 2 mestilah terdiri daripada mereka yang mempunyai pertalian darah serta berpendapatan tetap contoh ibu/ayah/bapa saudara/ibu saudara/abang/kakak. Penjamin juga mesti **BERUMUR MELEBIHI 21 Tahun serta WARAS**.
- 13) **Sekiranya ibu/ayah tidak bekerja/tidak mempunyai slip gaji apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**
 Pelajar perlu kemukakan **penjamin tambahan** iaitu penjamin yang mempunyai slip gaji/ bekerja.
- 14) **Sekiranya ibu/bapa saya tidak bekerja tetapi mempunyai Pencen (Pesara), adakah boleh menjadi Penjamin?**
Boleh, sila kemukakan **lampiran pencen** yang disahkan oleh Nazir Masjid (tempat tinggal) / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK @ JKPP/ Penghulu / Pengerusi Penduduk / Jaksa Pendamai / ADUN.
- 15) **Siapakah yang boleh menjadi Saksi bagi permohonan saya?**
 Saksi adalah orang yang berkelayakan sahaja iaitu:
 - ✓ Nazir Masjid (tempat tinggal) / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK @ JKPP/ Penghulu / Pengerusi Penduduk / Jaksa Pendamai / ADUN; **atau**

- ✓ Semua pegawai-pegawai Kerajaan / Badan Berkanun / Pegawai KUIS Gred 41 dan ke atas; **atau**
 - ✓ Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman seperti Majistret dan Peguam
- 16) **Bolehkah cop SAKSI hanya mempunyai nama sahaja?**
Tidak, cop saksi perlulah lengkap yang mempunyai butiran Cop Rasmi Jawatan iaitu **NAMA, JAWATAN YANG DISANDANG BESERTA GRED JAWATAN serta NAMA JABATAN/SYARIKAT TEMPAT BEKERJA** sebagai saksi yang menandatangani Perjanjian TTK.
- 17) **Bolehkah cop saksi BAGI PIHAK (b/p)?**
Tidak, cop saksi bagi pihak tidak diterima.
- 18) **Bolehkah saksi menjadi penjamin bagi dokumen perjanjian yang sama?**
Tidak, saksi dan penjamin perlulah orang yang berbeza dalam satu perjanjian yang sama.
- 19) **Bolehkah saksi menjadi saksi bagi dokumen perjanjian pelajar yang lain?**
Boleh, saksi boleh menjadi saksi bagi dokumen pelajar yang lain juga.
- 20) **Dimanakah setem hasil boleh didapatkan?**
Setem hasil boleh didapatkan dengan dua (2) cara:
- a) Pelajar boleh membeli setem hasil di Pej. POS dengan berharga RM10.00 sekeping. Kemudian perlu ke Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi proses matikan setem, **atau**
 - b) Terus ke Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi proses matikan setem.
- 21) **Sekiranya saya telah menandatangani Perjanjian TTK, bolehkah saya tidak meneruskan untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda?**
Tidak, kerana pelajar terikat dengan perjanjian TTK iaitu **ikatan wajib** pelajar perlu **menamatkan pengajian di Matrikulasi seterusnya wajib menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda sehingga tamat pengajian.**
- 22) **Apakah kesan sekiranya saya melanggar perjanjian TTK yang telah ditandatangani?**
Pelajar perlu membayar semua jumlah tajaan yang telah diterima sepanjang pengajian Matrikulasi beserta kos gantirugi berjumlah **RINGGIT MALAYSIA LAPAN RIBU (RM 8,000.00) sahaja.**

- 23) **Apakah yang dimaksudkan dengan kos gantirugi RM 8,000.00?**
Kos gantirugi yang ditetapkan adalah atas kerugian yang dialami oleh KUIS bagi tempoh satu tahun pertama yang bersamaan dengan dua semester tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi seorang pelajar.
- 24) **Bolehkah saya membuat penangguhan untuk mendaftar lewat ke peringkat Ijazah Sarjana Muda setelah tamat pengajian di Matrikulasi?**
Tidak dibenarkan, pelajar perlu mendaftar terus ke peringkat Ijazah Sarjana Muda seurus tamat pengajian di Matrikulasi.
- 25) **Adakah TKK ini wajib semua pelajar Matrikulasi mohon?**
Tidak, permohonan TKK ini adalah **pilihan dan tidak wajib** untuk semua pelajar Matrikulasi mohon.

Disediakan oleh,

Seksyen Tajaan & Kebajikan
Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 03-8911 7000 sambungan 1118/1117
E-mel: stk@kuis.edu.my